

Dilema kerjaya sebagai guru

UG 17.10.2018 B3

MINDA PENDIDIK

Oleh PROF. MADYA DR. ABDUL SAID
AMBOTANG & NURJANNAH F.A KARIMING

SERING kali didengar seorang guru tidak lagi menggalakkan anaknya untuk memilih karier guru sebagai bidang pekerjaan anak-anak mereka. Dulu, kedua ibu bapa selalu dan sering mendorong anak mereka untuk menjadi guru. Ini kerana suatu ketika dahulu karier guru adalah satu bidang pekerjaan yang sangat mulia dan sangat sesuai khususnya untuk golongan wanita.

Namun interpretasi ini sudah mula berubah. Kenapa ini berlaku? Sering dibincangkan isu ini dari kedai-kedai kopi sehinggalah ke peringkat global khususnya.

Pelbagai bentuk kaedah dan kesatuan guru yang ditubuhkan untuk membela kerjaya yang mulia ini. Namun masih juga belum dapat diselesaikan secara tuntas. Pelbagai faktor penyebab hal ini berlaku. Isu guru mengalami depresi yang teruk sehingga mendatangkan kemudaratan seperti bunuh dulu, kemurungan dan gangguan emosi, bersara awal dan berhenti kerja ini jelas menggambarkan bahawa kerjaya ini sudah tidak memberi kepuasan kepada kebanyakan guru hari ini.

Kajian yang dijalankan oleh pelajar Universiti Putra Malaysia mendapati bebanan tugas merupakan faktor utama menyumbang kepada isu ini. Tugas-tugas 'pengkeranian' inilah yang memberi tambahan

tugas kepada guru sehingga terpaksa mengabaikan tugas utama mereka iaitu terlibat secara penuh dalam pengajaran dan pembelajaran. Tugas seperti mengisi kad maklumat pelajar, mengisi borang buku teks, mengisi kad kesihatan, majlis-majlis sekolah, persiapan kedatangan orang kenamaan dan sebagainya. Kerjaya guru hari ini merupakan satu bidang kerjaya yang sangat mencabar.

Lebih kerja yang perlu dilakukan di rumah juga merupakan faktor yang menyumbang guru rasa sangat tertekan. Guru terpaksa menyiapkan tugas sekolah di rumah dan di hujung minggu. Keadaan ini akan menyebabkan guru tidak mempunyai ruang bersama keluarga dan waktu berehat. Hal ini akan menyebabkan mereka akan merasa tertekan. Terdapat kajian yang dijalankan di luar negara yang dilakukan ke atas 258 orang guru di Pennsylvania, Amerika Syarikat mendapati bahawa rata-rata guru terpaksa menghabiskan kerja-kerja di hujung minggu dan ini akan menjejaskan kesihatan guru dan akan mempengaruhi kualiti pendidikan pada masa akan datang.

Tekanan kerja juga berlaku apabila sesuatu tuntutan yang melebihi kemampuan seseorang untuk melaksanakannya, seperti tuntutan melakukan kerja yang banyak dalam satu masa yang sama akan memberi kesan tekanan kepada seseorang. Tekanan kerja yang sedikit dan bersifat sederhana akan memberi kematangan dalam membentuk pengalaman yang

positif namun juga tidak dapat dinafikan tekanan kerja yang melampau akan memberi kesan yang negatif kepada prestasi kerja guru. Adakah faktor-faktor ini menyebabkan kerjaya guru sudah tidak menjadi pilihan hari ini? Isu utiliti kerja dalam kalangan guru perlu ditangani dengan baik untuk mengelakkan ia terus menjadi virus kerjaya yang mulia ini.

Guru juga merasa tidak berpuas hati dengan tugas mereka ataupun dihujani dengan beban kerja yang melampau. Hal ini sudah pasti akan cenderung untuk menjadikan guru tidak bersemangat dan boleh menyebabkan ketidakhadiran ke sekolah. Ponteng kerja adalah perkara yang serius yang dilakukan oleh individu yang tidak mencapai tahap kepuasan kerja yang baik. Bebanan dan kerja tanggungjawab yang banyak dan perlu dilakukan oleh guru sama ada tanggungjawab di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah selain menyelesaikan kerja-kerja sekolah.

Selain itu peranan guru ialah memacu kecemerlangan modal insan hari ini. Terdapat beberapa peranan guru sebagai agen pemangkin dan pertumbuhan dan perkembangan pelajar, fasilitator dalam pembelajaran pelajar, penggerak kepada usaha pelajar, pembimbing dan model, pengurus dan pengatur keadaan yang sesuai dengan pengajaran dan pembelajaran serta pembuat keputusan ke atas peluang-peluang yang ada demi untuk kebajikan pelajar. Tugas utama

seorang guru adalah mengajar dan mendidik anak bangsa. Tetapi, hari ini guru banyak dihujani dengan kepelbagaian beban tugas-tugas sampingan.

Antara beban guru yang lainnya seperti terpaksa menghadiri mesyuarat yang kerap dijalankan, *extra* kurikulum, kerja-kerja seperti mengutip yuran, mengutip data pelajar, mendaftar pelajar, mendaftar peperiksaan dan sebagainya. Bagi sesetengah guru pula mereka terpaksa menyandang jawatan tertentu seperti Setiausaha Sukan, guru pusat sumber, guru disiplin, guru kanan mata pelajaran dan sebagainya. Bagi guru-guru ini bukan sahaja mereka terpaksa menjalankan tanggungjawab mengajar, tetapi tanggungjawab sebagai penasihat juga perlu dipikul. Secara tidak langsung telah menimbulkan beban tugas yang berlebihan kepada mereka. Perkara ini bukan sahaja dibincangkan dalam kajian-kajian pengkaji dan sering menjadi isu-isu yang diutarakan di dada-dada akhbar hari ini. Pihak berkuasa perlu melihat ini merupakan masalah sosial yang serius.

Pelbagai tugas yang perlu diselesaikan dalam masa yang singkat. Guru terpaksa menggadaikan masa pembelajaran dan pemudahcaraan untuk menyelesaikan tugas sampingan tepat masa diperlukan. Tahun 2010 sebuah akhbar tempatan mengeluarkan artikel bertajuk 'Seksa jadi guru'. Artikel ini dikeluarkan berdasarkan aduan yang dibuat oleh NUTP. Guru terpaksa bekerja

hari Sabtu kerana terpaksa melaksanakan pelbagai aktiviti sekolah. Sedangkan pekeliling dikeluarkan guru dibenarkan bercuti pada Sabtu sebanyak dua kali setiap bulan.

Perubahan teknologi dalam dunia pendidikan sudah cukup memberi cabaran kepada guru untuk melaksanakan tugas menggunakan teknologi. Namun perubahan teknologi ini perlu disahut oleh guru-guru Malaysia khususnya. Ini kerana dunia pendidikan perlu seiring dengan kemajuan teknologi hari ini. Pengkaji yang menjalankan kajian juga mengutarakan pelbagai cadangan dan penambahbaikan terhadap isu ini. Pihak bertanggungjawab dalam semua lapisan pengurusan perlu melihat perkara ini dengan lebih serius dan menyelesaikannya secara global dan berdedikasi.

Pensyarah kanan Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, UPSI Ab Aziz Mohd Yatim berkata bebanan tugas yang melampau memungkinkan guru bertindak di luar batasan seperti sanggup melempiaskan kemarahan kepada pelajar tanpa disedari sehingga boleh menyebabkan masalah lain. Ramai guru sakit jiwa? Hal ini sudah dibuktikan dengan bukti data empirikal. Guru yang terlalu terbeban adalah sangat berisiko untuk mengalami gangguan mental yang serius seperti bipolar, kebimbangan yang melampau dan kemurungan.

Menurut sumber NUTP mendapati bahawa 70 peratus guru daripada 9,000 orang guru

di seluruh negara mendapati bahawa guru bukan sahaja tertekan dengan beban tugas sahaja. Guru-guru terpaksa berdepan dengan kerenah disiplin pelajar, pengetua, kerani dan ibu bapa pelajar. Seperti kes yang berlaku di salah sebuah sekolah menengah di daerah Tawau. Penjaga pelajar datang beramai-ramai dan membawa senjata tajam seperti parang ke sekolah untuk membelas seorang ustaz yang telah memukul anak jagaan mereka menggunakan botol mineral kosong kerana enggan mengerjakan solat di sekolah. Cabaran membentuk sahsiah pelajar hari ini cabaran yang dominan kepada guru-guru.

Hak perlindungan ke atas individu guru-guru perlu diwujudkan untuk memastikan keselamatan guru terjamin. Semua lapisan masyarakat perlu lebih peka kepada isu pendidikan hari ini. Kesedaran ibu bapa juga adalah penting untuk sama-sama berusaha mengatasi masalah keruntuhan nilai sahsiah anak-anak mereka.

Oleh yang demikian, cabaran dunia pendidikan terutamanya di sekolah merupakan benteng penghadang dan antara penyumbang utama terhadap pembangunan kerjaya guru dalam menggalas tanggungjawab untuk melahirkan insan yang seimbang dunia dan akhirat.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah